



**PELANCARAN...** Taufiq menyempurnakan gimik pelancaran Kolaborasi UMS dan 99 Speed Mart (East Malaysia) Sdn. Bhd. Bagi Food Bank Siswa UMS.



**SUMBANGAN...** Taufiq menyampaikan sumbangan keperluan makanan kepada salah seorang pelajar B40 UMS.

# UMS perluas Program Food Bank Siswa dengan kolaborasi bersama 99 Speed Mart

NSF 21-8-2019 8

**KOTA KINABALU:** Program Food Bank Siswa UMS yang telah dilancarkan pada 18 Mei lalu diperluaskan lagi dengan kolaborasi bersama syarikat 99 Speed Mart (East Malaysia) Sdn. Bhd. sebagai usaha serta sokongan dalam mengutamakan kebajikan pelajar UMS.

Naib Canselor UMS, Prof. Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata, Program Food Bank Siswa UMS merupakan inisiatif yang sangat tepat pada waktunya dan mampu memberi manfaat kepada seluruh pelajar UMS amnya dan pelajar B40 khususnya.

"Selain daripada meringankan beban para pelajar B40, program Food Bank Siswa juga menyasarkan untuk membantu mana-mana pelajar UMS yang kurang berkemampuan.

"Maka, kerjasama seperti ini akan sentiasa diberi keutamaan bagi memastikan UMS dilihat sebagai sebuah institusi pendidikan yang tidak sahaja melahirkan graduan berkualiti, tetapi juga menjadi institusi pendidikan yang peka kepada kebajikan pelajar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Pelancaran Kolaborasi UMS dan 99 Speed Mart (East Malaysia) Sdn. Bhd. Bagi Food Bank Siswa UMS yang berlang-

sung di Anjung Siswa UMS.

Tambah beliau, dengan wujudnya inisiatif seperti ini melalui kerjasama dengan pelbagai pihak akan menjadi titik permulaan bagi membantu para pelajar mendepani peningkatan kos sara hidup serta membantu meringankan beban dan menangani isu 'ikat perut' dalam kalangan pelajar.

Taufiq turut menegaskan bahawa Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni terutamanya sentiasa bertungkus lumus dalam menjaga kebajikan para pelajar UMS dan memastikan apa jua keperluan dalam usaha tersebut dapat disempurnakan.

"Pihak UMS sentiasa membuka ruang untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak yang ingin menyumbang kepada usaha yang murni ini agar dapat membantu mengurangkan beban kos sara hidup para pelajar kita, sekali gus melonjakkan lagi semangat mereka untuk sentiasa cemerlang dalam akademik," ujar beliau.

Pada majlis tersebut, Taufiq bersama-sama Pengurus Besar 99 Speed Mart (East Malaysia) Sdn. Bhd., Lim Kok Wei menyampaikan sumbangan keperluan makanan kepada 21 pelajar B40 program



**KENANGAN...** Taufiq merakamkan gambar bersama tetamu jemputan lain di hadapan Food Pantry UMS yang menempatkan keperluan makanan untuk pelajar UMS.

Asasi Sains, serta menyampaikan kad Food Bank Siswa kepada wakil pelajar.

Hadir sama pada majlis tersebut mantan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Profesor Dr. Ismail Ali; Bendahari UMS, Zallifah Shadan; Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS, Kamisah Husin;

wakil Pengarah Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Sabah, Cynthia Lo Wun Hui; Pengarah Pusat Persediaan Sains dan Teknologi UMS, Prof. Madya Ts. Dr Sazmal Effendi Arshad; dan Presiden Majlis Perwakilan Pelajar UMS, Muhd Jivean Johan Wira.